

Jenis Akhbar : Utusan Borneo Sabah

Tarikh : 13/05/2020

Edisi / Muka Surat : Sabah/ 5

Tajuk : Pemain industri pelancongan sambut baik

Pemain industri pelancongan sambut baik

Kebenaran beroperasi semula yang diberi oleh kerajaan negeri bagi sektor pelancongan

Oleh Yusop Teppo

SANDAKAN: Pemain industri pelancongan menyambut baik keputusan Kerajaan Negeri Sabah membenarkan sektor pelancongan beroperasi semula.

Pengerusi Koperasi Pelancongan Batu Putih (KOPEL) Berhad Abdul Sani Haji Nasri berkata, kebenaran itu adalah satu langkah yang positif dan sememangnya ditunggu-tunggu oleh pengusaha pelancongan di negeri ini.

"Industri pelancongan merupakan sumber utama kepada perhotelan dan pengusaha homestay, ini akan mampu menjana semula ekonomi di negeri ini yang

telah terjejas akibat virus COVID-19," katanya.

Beliau berkata walaupun pemain industri pelancongan sedikit lambat untuk berkembang semula selepas kerajaan membenarkan semula industri pelancongan beroperasi ekoran Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), tetapi kita menyambut baik kebenaran itu.

"Semasa PKP dilaksanakan 18 Mac lepas, pemain industri pelancongan seperti KOPEL Berhad telah mengalami kerugian besar akibat pembatalan tempahan pelancong.

"Sebelum PKP dilaksanakan sekitar bulan Februari lepas, hanya sedikit sahaja pelancong membuat pem-



ABDUL SANI

batalan tempahan mereka. Tetapi kita masih boleh menjana sumber pendapatan sedikit," katanya.

Beliau berkata langkah kerajaan membenarkan semula industri pelancongan dibuka semula satu langkah yang baik dalam usaha

memastikan pemain industri pelancongan tidak gulung tikar.

"Untuk pulihkan ekonomi sektor pelancongan ini amat sedikit sukar, soal kesihatan dan keselamatan ini akan menjadikan pelancong dalam dan luar negara amat berhati-hati untuk datang melancong ke negeri kita," katanya.

Abdul Sani menjelaskan apatah lagi virus COVID-19 ini masih belum ditemui penawarnya yang akan menyebabkan pelancong tidak sewenang-wenangnya untuk melancong ke sini," katanya.

Beliau berharap pihak kerajaan terutamanya Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MO-

TAC) agar dapat memberi bantuan kepada pengusaha-pengusaha pelancong yang amat terjejas teruk sepanjang PKP dilaksanakan.

"Pengusaha pelancong terjejas dari segi pendapatan, pekerjaan dan lain-lain lagi. Walaupun ada bantuan disediakan oleh pihak kerajaan tetapi tidak khusus kepada pengusaha pelancongan itu sendiri," katanya.

Abdul Sani berkata beliau belum nampak MOTAC mengambil peranan bagi membantu pengusaha pelancongan di negara ini yang terjejas teruk dengan memberi sedikit bantuan kepada pengusaha pelancong untuk menjana semula pendapatan mereka selepas terjejas.